

25/06/2001

Ingat amanat Dr M jika tidak mahu Umno rebah

Kadir Dikoh

SEORANG perwakilan membisikkan bahawa sesetengah ahli Umno memang mempunyai sikap acuh tak acuh dan semua akan kata "sokong", "boleh", "no problem" dan "OK" setiap kali Perhimpunan Agung Umno diadakan. Rakannya cepat mencelah dengan kata-kata: "Bukankah ini satu tanda bahawa ahli Umno itu OK? Kalau tak OK, itu masalah besar bagi kita. Kalau macam itu baguslah."

"Inilah masalahnya, semua akan bersemangat nak tawan Kelantan, Terengganu dan sapu bersih negeri lain pada pilihan raya 2004. Nak gempur Pas, malah bagai nak turun padang sebaik selesai perhimpunan. Semua janji nak patuh kepada parti dan Presiden. Tak sampai sebulan selepas perhimpunan... kata-kata itu tinggal begitu saja. Inilah maksud Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)... Melayu mudah lupa," kata seorang lagi perwakilan.

Perbualan yang berlarutan hingga melepasi tengah malam di restoran sebuah hotel lima bintang berdekatan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu, menarik untuk direnungi kerana masing-masing mengupas ucapan dasar dan penggulungan Dr Mahathir.

Sesuatu yang pasti - yang dikutuk, yang mengutuk, yang memuji dan yang mencerca dan yang bersikap OK dan tak OK itu - semuanya berlegar di kalangan ahli Umno sendiri.

Melayu mudah lupa - inilah masalah sebenar mereka kerana asyik menyalahkan orang lain tanpa menilai kelemahan diri sehingga Dr Mahathir sendiri melakukan 'pembedahan' setiap kali Perhimpunan Agung Umno.

Selepas ini, akan berbual pula di kedai kopi sepanjang hari tanpa membuat sesuatu untuk kepentingan bangsa dan negara. Jadilah 'haprak' - orang tak berguna - kata Dr Mahathir.

Perbualan sampai dinihari pun, tidak akan menyelesaikan masalah jika setiap ahli tidak benar-benar menghayati serta menyelami apa yang tersurat dan tersirat dalam ucapan dasar dan penggulungan Dr Mahathir selaku Presiden Umno.

Pada hari pertama perhimpunan itu Khamis lalu, Dr Mahathir mengambil masa sejam 57 minit menghuraikan permasalahan orang Melayu dalam ucapan bertemakan 'Melayu mudah lupa' dengan menyelongkar masalah pokok.

Presiden Umno mengajak orang Melayu menginsafi nasib buruk yang akan menimpa mereka jika kuasa politik Melayu terlepas ke tangan orang lain. Ada pihak menyamakan ucapan itu sebagai Dilema Melayu II, kesinambungan kepada buku tulisannya pada 1970, Dilema Melayu.

Mesej itu walaupun bukan baru tetapi menjurus kepada amaran bahawa jika itu berlaku, bangsa Melayu hanya akan tinggal nama. Kata-kata keramat Hang Tuah "Takkan Melayu hilang di dunia" akan terus menjadi slogan.

Pada penutup perhimpunan kelmarin, Perdana Menteri mengambil masa 95 minit menyampaikan ucapan penggulungan, dan kali ini beliau mengajak ahli Umno untuk mematuhi sebarang keputusan pucuk pimpinan parti bagi memastikan kemenangan pada pilihan raya umum 2004.

"Kalau nak tentukan parti menang, jangan sayang kepada Presiden saja, tetapi juga taat kepada Presiden. Presiden tidak ada kepentingan lain melainkan menjamin kemenangan. Orang yang saya pilih tidak bagi satu sen pun kepada saya. Apabila pilih calon, saya minta kita berikrar jangan soal lagi sama ada sesuai atau tidak," katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Menyambung perbualan sekumpulan perwakilan dan pemerhati di sebuah

restoran tadi, seorang daripada mereka cuba mengimbau semula kata-kata Presiden Umno dan menyatakan: "Anda sendiri tengok tadi, gemuruh dewan dengan tepukan... semua bangun berikrar, bersemangat. Satu saja yang saya minta... jangan lupa ikrar itu. Jika lupa, memang benarlah Melayu mudah lupa."

Presiden Umno, yang kesal kerana perwakilan agak gagal menyelami ucapan dasarnya, berkata orang Melayu berpotensi untuk terus maju serta menempa nama di dunia.

Siri perbahasan pada perhimpunan kali ini juga tidak kurang hebatnya. Rupa-rupanya Umno kaya dengan pendebat berkebolehan jika diberi peluang. Kemunculan Ketua Umno Bahagian Ampang, Datuk Mufti Shuib, yang mewakili Umno Selangor, memberi impak. Caranya bersahaja, berjaya menarik perhatian, termasuk sindiran tajam dan diselitkan pula dengan jenaka yang penuh makna.

Bakat baru yang berpotensi termasuk Ketua Pemuda Umno Parit Sulong, Syed Hood Syed Idrus, yang membahas usul pendidikan dan ekonomi sebagai wakil Umno Johor. Beliau boleh menyamai kehebatan wakil veteran dari Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, berbahas jika terus diberi peluang meskipun buat kali pertama berucap pada perhimpunan kali ini, suara nyaringnya sama saja dari mula hingga akhir, termasuk ketika menyebut perkataan terima kasih pada akhir ucapan.

Pemerhati juga tertanya-tanya mengapa pembahas tidak langsung menyentuh isu-isu ekonomi semasa yang hangat diperkatakan sebelum perhimpunan seperti isu peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin, pembelian balik saham Penerbangan Malaysia (MAS) oleh kerajaan, dakwaan penggunaan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli saham Time dotCom, seperti digembar-gemburkan.

Ketika usul pendidikan dan ekonomi dibahas, kali ini dirangkumkan, isu pendidikan menguasai perbahasan. Begitu juga dalam perbahasan usul ucapan Presiden.

Mungkinkah ini disebabkan Dr Mahathir juga tidak menyentuhnya dalam ucapan dasarnya, maka perwakilan cuba mengelak?

Namun, pemerhati berkata Dr Mahathir tidak perlu berbuat demikian, mungkin kerana mahu memberi tumpuan kepada isu yang lebih besar bertempiaskan kepada sikap orang Melayu itu sendiri - Melayu mudah lupa.

"Jika kita mahu maju, kita mesti menggerakkan ekonomi berasaskan pengetahuan yang boleh menentukan kejayaan masa depan orang Melayu. Kita perlu memandang ke hadapan," kata wakil dari Pahang, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, apabila diminta mengulas kegagalan perwakilan menyentuh isu ekonomi semasa dalam perbahasan.

Namun di luar dewan, Dr Mahathir dalam sidang akhbar pada hari pertama dan kedua, tidak terlepas daripada pertanyaan mengenai isu itu, terutama daripada media asing yang mahukan kepastian mengenai nasib Daim.

"Beliau (Daim) tidak akan ditangkap, jadi beliau boleh ke luar negara, tidak ada sebarang sekatan. Dia berkata akan timbul masalah baginya, iaitu sekiranya beliau ke luar negara, media akan berkata beliau mengelak daripada ditangkap," kata Dr Mahathir.

Sambil menegaskan tiada sebarang sekatan dikenakan terhadap Daim, Dr Mahathir sempat menyindir wartawan kerana akhirnya berjaya 'memaksa' beliau membuat kenyataan mengenai bekas Menteri Kewangan itu.

"Ini yang awak (wartawan) mahu... betul tak? Anda bertanya soalan berpusing-pusing (round about). Ini yang mereka belajar di Sekolah Komunikasi. Saya tidak ke sekolah untuk belajar sains politik, saya seorang doktor," katanya.

Serangan Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali, terhadap Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, ketika membahas usul ucapan Presiden di perhimpunan itu juga menarik perhatian.

Dengan bahasa yang agak kasar, Ibrahim mengkritik Pemuda Umno yang didakwanya tidak menjalankan tugas dengan agresif dan berkesan.

"Kalau tak mampu, tidak upaya... serahkan kepada saya (jawatan Ketua Pemuda) pada 2004," katanya.

Ini pula dibalas oleh Hishammuddin dalam ucapan penggulangannya yang antara lain menyatakan: "Tidak ada gunanya kita jadi Ketua Pemuda Umno pada 2004 jika pada 2003 Umno sudah menjadi parti pembangkang. Semut di seberang nampak, gajah di depan tidak nampak. Memaku dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih," katanya.

Sesuatu yang tidak kena ialah apabila Ibrahim menyebut nama (Hishammuddin) ketika berbahas yang pada orang Melayu agak melampau. Dr Mahathir juga dipercayai menyindir Ibrahim dalam ucapan penggulangannya meskipun tanpa menyebut nama bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu.

Dr Mahathir antara lain menyatakan: "Wakil dari Kelantan berkata, wakil berpeluang memilih hanya tiga tahun sekali, tetapi Presiden boleh pilih hari-hari, dan memang benar, dan dia tentu tahu benar-benar berkenaan dengan perkara ini apabila dia kalah bertanding untuk menjadi ahli Majlis Tertinggi, saya pilih dia sebagai ahli Majlis Tertinggi yang dilantik. Apabila dia kalah dalam pilihan raya, saya lantik dia menjadi ahli Dewan Senat.

"Dari Dewan Senat dia naik jadi Setiausaha Parlimen, lepas itu dilantik menjadi Timbalan Menteri. Itu adalah kuasa Perdana Menteri yang juga Presiden parti dan baginya tentulah pilihan ini tepat, cukup baik, tetapi yang dia tak tahu apabila saya pilih dia, banyak orang komplek."

Tidak kurang hangat ialah rasa tidak puas hati terhadap Lembaga Disiplin diluahkan oleh beberapa perwakilan dalam perbahasan masing-masing. Setakat ini, seramai 12 ahli Umno, termasuk lima ketua bahagian, digantung keahlian oleh lembaga itu.

Ini mungkin memaksa Umno bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa rayuan yang akan bertindak mendengar rayuan ahli yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin kerana melanggar tata etika parti, termasuk politik wang. Mesyuarat MT akan datang, dijangka membuat keputusan mengenainya.

Seperti biasa, Pas menjadi sasaran utama kecaman daripada perwakilan ketika membahaskan usul agama pada hari terakhir perhimpunan. Tetapi mereka bertekad menjadikan Terengganu sebagai medan pertempuran bagi merampas semula kerajaan negeri itu daripada Pas selain Kelantan.

Perhimpunan kali ini juga menyaksikan kemunculan buat kali pertama Puteri Umno dan penghargaan diberi kepada Ketua Penajanya, Azalina Othman Said, memberi ucapan yang antara lain meminta supaya sayap baru itu diberi peluang untuk bergerak mengikut acuan sendiri memandangkan generasi muda yang menganggotai Puteri mampu berfikir serta berhadapan dengan sebarang isu mendatang.

Azalina berkata, sejak penubuhannya Februari lalu, Puteri Umno sering dikritik dan dipersoalkan mengenai cara pelaksanaannya serta tahap pengalaman ahlinya yang masih mentah dalam ilmu politik.

"Puteri dikritik kononnya lebih menekankan kepada senamrobik, bola jaring, derma darah dan gotong-royong yang bukan beragenda politik, tetapi realitinya Puteri adalah jambatan yang menghubungkan generasi pemimpin hari ini dengan generasi muda," katanya.

Puteri Umno yang akan dilancarkan secara rasmi Ogos ini diberi status pemerhati pada Perhimpunan Agung kali ini.

Namun, pada akhir ucapan penggulangannya, Dr Mahathir sebak seketika apabila membacakan bait terakhir sajak bertajuk 'Melayu mudah lupa', menyebabkan kira-kira 3,000 perwakilan dan pemerhati turut terpegun dengan keikhlasan pemimpin Umno itu.

Diharapkan perwakilan tidak mudah lupa segala pesanan Dr Mahathir itu.

Jika mereka lupa, Umno mungkin rebah pada 2004.
(END)